

AHLAN WASAHLAN RAMADAN

29 Syaaban 1443H/1 April 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Beberapa hari lagi seluruh umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Ramadan yang mulia, kerana di bulan ini umat Islam akan menunaikan ibadat puasa selama sebulan sebagaimana yang difardukan ke atas mereka. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al Baqarah ayat 183:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن

قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”

Marilah kita menyambut tetamu yang istimewa ini dengan penuh kesyukuran, serta ucapkanlah tahniah kepada kaum muslimin dengan rasa syukur kerana ketibaan Ramadan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

أَتَاكُمْ رَمَضَانُ سَيِّدُ الشُّهُورِ فَمَرْحَبًا بِهِ وَأَهْلًا

Yang bermaksud: “Telah datang kepada kamu bulan Ramadan penghulu segala bulan, maka ucapkanlah selamat datang kepadanya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Hendaklah kita menghormati bulan yang mulia ini. Perbuatan makan dan minum dikhalayak ramai boleh menjatuhkan kehormatan bulan yang mulia ini. Janganlah makan tanpa keuzuran di khalayak ramai.

Membatalkan puasa dengan sengaja tanpa keuzuran hukumnya adalah haram dan berdosa. Ia tidak sama jika digantikan dengan puasa qada’. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Huzaimah daripada Abu Hurairah:

مَنْ أَفْطَرَ يَوْمًا مِنْ رَمَضَانَ مِنْ غَيْرِ عُدْرٍ وَلَا مَرَضٍ لَمْ يَقْضِهِ صَوْمَ الدَّهْرِ وَإِنْ صَامَهُ

Yang bermaksud: *“Sesiapa berbuka sehari dari Ramadan dengan tidak uzur dan tidak sakit, tiadalah dapat diganti (puasanya yang rosak itu) oleh puasa sepanjang masa, sekalipun dilakukannya”.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Marilah kita menghidupkan malam-malam bulan Ramadan dengan menunaikan solat sunat terawih. Inilah satu-satunya ibadat yang sangat istimewa dan ditunggu-tunggu kehadirannya, datang bersama bulan yang mulia ini.

Hukum solat terawih adalah Sunat Muakkad, iaitu satu solat yang sangat-sangat dituntut melaksanakannya. Walaupun sah dikerjakan secara sendirian, namun Imam Abu Hanifah, Imam al Syafie dan sahabatnya seperti Imam Ahmad mereka berpendapat bahawa solat terawih lebih utama dikerjakan secara berjema'ah di masjid-masjid.

Dalam mazhab Syafie kita dituntut melakukan solat terawih sebanyak dua puluh rakaat dengan sepuluh salam iaitu lima kali tarwihah (rehat) selepas setiap empat rakaat, diakhiri dengan tiga rakaat solat sunat witr. Hukum ini bersandarkan kepada hadis riwayat al-Baihaqi daripada Saidina Ali Radiallahu anhu bahawa qiam Ramadan adalah dua puluh rakaat. Inilah amalan yang dilakukan di masjid Mekah al-Mukarramah. Oleh itu, kita hendaklah menyempurnakan solat terawih mengikut mazhab kita dua puluh rakaat dengan tiga rakaat witr kerana inilah bulan yang digalakkan untuk kita memperbanyakkan ibadah pada-Nya. Bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk melakukan solat sunat tarawih secara berdiri, bolehlah dilakukan solat secara duduk.

Dua puluh rakaat itu adalah dikira sedikit jika dibandingkan dengan mazhab lain seperti mazhab Hanafi dan sahabatnya. Diriwayatkan daripada al Aswad bin Yazid, mereka melakukannya sebanyak empat puluh rakaat dengan tujuh witr. Sementara mazhab Maliki pula melakukannya sebanyak tiga puluh enam rakaat dengan sembilan kali rehat dan pernah pada zaman Saidina Ali Radhiallahu anhu mereka melaksanakannya sebanyak dua ratus rakaat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Marilah kita menunaikan ibadat puasa di bulan Ramadan pada tahun ini dengan lebih sempurna. Ajaklah ahli keluarga, anak-anak, jiran tetangga, sahabat handai pergi ke masjid atau surau bagi menghidupkan malam-malam Ramadan secara berjemaah. Mudah-mudahan Allah Subhanahu wa Taala akan memberikan hidayah dan taufik-Nya dan kita akan menjadi insan yang sentiasa bersyukur. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Ibrahim ayat 7:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ

عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: *“Dan ingatlah ketika tuhan kamu memberitahu, “sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah nikmat-Ku kepada kamu, dan sesungguhnya jika kamu mengingkarinya (kufur nikmat) maka sesungguhnya azab-Ku amat keras.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.